

15/01/1997

Membina maruah atas titisan keringat

Mohd Shah Abdullah

BAGI Nur Misuari, kira-kira 200,000 rakyatnya yang terkorban dalam sejarah persengketaan panjang dengan tentera Filipina meninggalkan kesan paling tragis, pengalaman pedih dan pahit untuk dilupakan.

Baginya peperangan, kesengsaraan dan kegetiran yang dilalui cukup untuk mengajar rakyat Mindanao erti sebuah perjuangan.

Namun ketika perubahan di kawasan serantau ke arah pembangunan ekonomi menempuh era globalisasi sedang berlaku dengan pesatnya, beliau turut merasakan Mindanao tidak harus ketinggalan.

Baginya Mindanao yang sudah memperolehi status autonomi terhadap dengan Misuari dilantik sebagai Gabenor harus dijamin berada dalam keadaan suasana yang terus aman dan stabil.

"Jika Mindanao sendiri kucar-kacir, sudah tentu ia memberi kesan terhadap kestabilan seluruh rantau Asean.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mahu rantau ini kekal sebagai aman, bebas dan berkecuali.

"Tanpa keamanan serantau, bagaimana Asean boleh berfungsi serta menyumbang kepada Perundingan Ekonomi Asia Pasifik (Apec)," katanya ketika diminta mengulas sejauh mana kesan perjanjian damai itu terhadap prospek serantau serta sokongan negara Islam terutama dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Misuari yakin Malaysia, Brunei dan Indonesia mampu memberi sumbangan bermakna bagi merealisasikan makna perjanjian damai itu dalam konteks pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh di Mindanao serta sokongan negara lain dalam OIC.

Namun baginya jiran terdekat seperti Malaysia, Brunei dan Indonesia lebih diharap berfungsi dengan berkesan menjayakan pembangunan menyeluruh di wilayah berkenaan.

Oleh itu beliau berharap ramai di kalangan pelabur dari rantau ini termasuk Malaysia bersedia meneroka pasaran negara itu yang menyediakan prospek menarik terutama dalam bidang pembangunan prasarana.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan Jerman turut berminat melabur di wilayah itu, sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun dari sekarang, apabila Pelan Induk Pembangunan Mindanao siap dirangka.

Dalam tempoh peralihan sementara ini, wilayah berkenaan sedang menyediakan program pembangunan prasarana termasuk program pembesaran jalan raya, kemudahan telekomunikasi dan tidak ketinggalan merebut peluang dalam bidang teknologi angkasa serta maklumat.

"Islam akan terus dianggap agama yang disalahertikan (the misunderstood religion), jika kita tidak mampu menyediakan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi serta menyebarkan maklumat atau penerangan secukupnya kepada umat Islam dan manusia seluruhnya," katanya.

Bagi memperkemas sistem penyebaran maklumat menerusi radio dan televisyen, usaha sedang dilakukan bagi menggunakan kemudahan satelit Measat milik negara atau Palapa, Indonesia.

Beliau mengimpikan sebuah wilayah Mindanao yang dapat menikmati erti kemerdekaan hakiki dengan seluruh rakyatnya berpeluang menimba ilmu menerusi sistem pendidikan yang baik, kemudahan makanan mencukupi kerana ketika peperangan melanda, ada rakyatnya hanya berpeluang makan sekali sehari.

Selain itu, ada cadangan untuk membina sebuah kilang menapis minyak dan

Mindanao mengharapkan ada negara yang sudi membekal petroleum dan ia dapat dijual kepada rakyat di paras harga yang stabil. Baginya kenaikan harga petroleum boleh memberi kesan kepada ekonomi dan kehidupan rakyat seluruhnya.

"Namun kita tidak hanya memberi penekanan kepada aspek pembangunan material kerana aspek kejiwaan juga harus diberi penekanan," katanya.

Kenyataan itu sudah tentu sesuai dengan latar belakang penduduk Mindanao yang majoritinya adalah Islam dan sebahagian kecil Kristian.

Misuari sedar betapa kemajuan kebendaan yang tidak diimbangi pembangunan kejiwaan boleh memberi kesan sampingan terhadap ummah, termasuk wujudnya krisis sosial seperti yang berlaku di negara Barat, bahkan di sesetengah negara yang ghairah meniru pendekatan atau model pembangunan kapitalis Barat.

"Apa yang berlaku pada masa depan banyak bergantung kepada kualiti manusia hari ini," katanya.

Ditanya mengapa beliau sanggup menerima perjanjian damai dengan Presiden Ramos, sedangkan ada pihak yang tidak senang dan menganggap konsesi yang diperolehi merugikan MNLF dan umat Islam di Mindanao, dengan pantas beliau menegaskan hasratnya yang tidak mahu melihat perjanjian damai itu hancur.

"Saya tahu, perjanjian ini belum benar-benar selesai tetapi saya tidak mahu usaha perdamaian musnah begitu saja.

"Ini hanya tempoh peralihan sementara. MNLF harus memperkukuh kekuatan dan bersedia untuk satu referendum bagi perjanjian yang lebih menyeluruh.

"Apa yang dibuat sekarang masih di peringkat awal. Ia adalah pendahuluan kepada autonomi sebenar di wilayah Mindanao," katanya.

Oleh itu, katanya, MNLF belum meletakkan senjata, sebaliknya meminta Manila membekalkan senjata bagi memastikan keselamatan di wilayah itu terjamin.

Misuari juga sudah menghantar wakil Kabinet kerajaannya menemui Perbendaharaan di Manila akhir bulan lalu, bagi berunding memohon sumbangan dana menjayakan projek pembangunan di wilayah Mindanao.

Beliau bagaimanapun bangga kerana terpilih sebagai gabenor melalui pilihan raya pertama yang diadakan berjalan dalam suasana aman walaupun sesetengah pihak menganggapnya sebagai `membosankan'.

"Kira-kira 98 peratus mengundi memilih saya," katanya. Namun, beliau juga sedar memang wujud penentangan dari dalam yang mahu menggagalkan impian bagi sebuah Mindanao yang berdaulat itu, terutama puak yang disifatkannya lebih mementingkan diri sendiri.

"Saya suka menasihatkan orang Islam dan Kristian mengetepikan segala perbezaan dan bekerjasama untuk kemajuan dan kemakmuran," katanya.

Misuari yang berkelulusan Sarjana Sains Politik dari Universiti Filipina (UP) bagaimanapun sempat berjenaka apabila ditanya bagaimana keadaannya sebagai pemimpin dan pejuang masih sempat membahagikan kasih sayang dengan kedua-dua isterinya.

"Kita memang menggalakkan rakyat Mindanao berkahwin kerana hanya melalui inilah ribuan jiwa yang terkorban ketika perang dapat diganti semula.

"Orang muda patut menyahut cabaran ini," katanya.

(END)